



LAPORAN PROGRAM

**PROGRAM 'GO GREEN - COMMUNITY SERVICE'
DI PULAU PERHENTIAN**

**TARIKH
PADA 27 – 30 MAC 2014**

**TEMPAT
KAMPUNG PULAU PERHENTIAN KECIL DAN
PULAU PERHENTIAN BESAR TERENGGANU**

**ANJURAN
PUSPANITA MINDEF.
JKK PEMBANGUNAN ALAM BINA LESTARI.**

**AHLI JAWATANKUASA
JKK PEMBANGUNAN ALAM BINA LESTARI
PUSPANITA.MINDEF**

KETUA BIRO : PUAN SHAHIDAH BANU BINTI ABDUL SATAR
SETIAUSAHA I : PUAN EIRDAWATTY BINTI IDZHAM
SETIAUSAHA II : PUAN SUHAZLIZA BINTI MOHAMED SAMSUDIN
BENDAHARI : PUAN AISHAH BINTI SEMAN

SENARAI AHLI JAWATANKUASA :

1. PUAN SUHAIRIZA BINTI SULAIMAN
2. PUAN ROSLINA BINTI MOHD AKHIR
3. PUAN SITI ROFIZAH BINTI IDRIS.

JKK Pembangunan Alam Bina Lestari PUSPANITA MINDEF telah menganjurkan program 'Go Green Community - Service' bertempat di Kampung Pulau Perhentian Kecil dan Pulau Perhentian Besar Terengganu pada 27 sehingga 30 Mac 2014. Program ini telah berjaya menarik penglibatan seramai 30 orang keseluruhannya yang terdiri daripada Ahli JKK Pembangunan Alam Bina Lestari, Ahli Puspanita MINDEF, Ketua Kampung dan Ahli Persatuan Penduduk Kampung Pulau Perhentian Kecil.

Buat julung kalinya, program ini dilaksanakan di Pulau Perhentian. Pulau Perhentian terbahagi kepada 2 buah pulau iaitu Pulau Perhentian Kecil dan Pulau Perhentian Besar. Program 'Go Green - Community Service' telah dijalankan dengan jayanya di Kampung Pulau Perhentian Kecil. Kehadiran ahli rombongan PUSPANITA MINDEF telah disambut oleh Ketua Kampung iaitu En Zainudin bin Mohd bersama isteri Puan Siti Kartini binti Abdul Ghani dan Ketua Wanita UMNO Pulau Perhentian Puan Masitah binti Abdul Karim juga Mantan Ketua wanita Puan Zaharah binti Deraman.

Mempunyai bilangan penduduk seramai 2163 orang muslim. Dengan pembinaan masjid baru dan pembinaan Apartment Perumahan Rakyat yang dijangka siap pada bulan Sept 2015, kampung ini merupakan Projek Kampung Wawasan Pulau Perhentian. Melawat sekitar Kampung Pulau Perhentian Kecil menyaksikan keindahan dan kehijauan alam sekitar di sekeliling pulau yang amat menyamankan dengan pantai yang putih bersih. Pengangkutan yang digunakan adalah bot dan teksi air (bot laju). Pelbagai aktiviti telah diadakan bersama komuniti tempatan di Kampung Pulau Perhentian Kecil seperti gotong-royong membersihkan kawasan sekitar pantai dan membersihkan tanah wakaf surau dan persekitaran surau serta mengecat ruangan dapur surau.

Puspanita MINDEF diwakili JKK Pembangunan Alam Bina Lestari diketuai oleh Puan Shahidah Banu Binti Abdul Satar telah menyampaikan sumbangan kepada Ketua Wanita UMNO dan Ketua Kampung Pulau Perhentian Kecil. Diantara barangan yang disumbangkan oleh Puspanita ialah Telekung, Sejadah, Surah Yassin, Tikar, Cat dan peralatan mengecat. En Zainudin bin Mohd selaku ketua di Kampung Pulau Perhentian Kecil mengucapkan terima kasih kepada Puspanita Kementerian Pertahanan dan JKK Pembangunan Alam Bina Lestari dan berharap kunjungan ini tidak yang terakhir tetapi menjadi titik pertama bagi silaturahmi yang terjalin.

JKK Pembangunan Alam Bina Lestari bersama Perhentian Island Resort telah mengadakan pelbagai aktiviti menarik dengan melihat keindahan pantai dan kehijauan di Pulau Perhentian. Diantara aktiviti yang dijalankan adalah snorkeling di Shark Point, Teluk Keke dan Marine Park. Melihat keindahan hidupan di lautan dan kepelbagaian coral.

Program 'Go Green Community Service' merupakan salah satu program di bawah JKK Pembangunan Alam Bina Lestari bertujuan untuk memupuk, meningkatkan kesedaran, kefahaman, penghayatan dan membudayakan kehijauan alam, teknologi dan inovasi di kalangan ahli Puspanita dan masyarakat kawasan luar bandar dalam kehidupan seharian.

Sekian,
Laporan disediakan oleh
Puan Suhairiza Binti Sulaiman
07 Apr 2014

TENTATIF
PROGRAM 'GO GREEN - COMMUNITY SERVICE'
JKK PEMBANGUNAN ALAM BINA LESTARI
PUSPANITA MINDEF.

27 Mac 2014 (Khamis)

10.00 malam : Bertolak dari MINDEF ke Kuala Terengganu.

28 Mac 2014 (Jumaat)

6.00 pagi : Tiba di Kuala Terengganu, Solat Subuh.

7.00 pagi : Sarapan Pagi bertolak ke Jeti Kuala Besut

11.00 pagi : Tiba di Jeti Kuala Besut Menaiki Bot Ke Pulau Perhentian

12.00 tghari : Check In di Resort Pulau Perhentian, makan tengahari di Resort

03.30 petang : Berkumpul di Jeti bertolak ke kampung Pulau Perhentian Kecil

Aktiviti 'Go Green- Community Service'

- Membersihkan sekeliling Kg Pulau Perhentian Kecil
- Membersihkan kawasan surau Kampung Pulau Perhentian Kecil.
- Melawat sekeliling kawasan kampung Pulau Perhentian Kecil.
- Ketua JKK Pembangunan Alam Bina Lestari menyampaikan sumbangan (telekung, sejadah,tikar,cat dan peralatan mengecat) kepada Ketua Kampung Pulau Perhentian Kecil.
- Minum petang bersama Ketua Kampung, Ketua dan Mantan Ketua Wanita UMNO serta penduduk kampung Pulau Perhentian Kecil.

06.30petang : Bertolak balik ke Perhentian Island Resort

07.30 malam : Makan malam. Aktiviti bebas.

29 Mac 2013(Sabtu)

- 08.00 pagi : Sarapan pagi di Resort.
- 10.00pagi : Bersedia (Snorkeling).
- 12.00 tghari : MakanTengahari.
- 3.00 petang : Melawat Marine Park Perhentian Island (Snorkeling).
- 5.00 petang : Balik ke Resort.
- 7.00 petang : Makan malam. Aktiviti.bebas

30 Mac 2013 (Ahad)

- 8.00 pagi : Minum pagi, Check Out.
- 9.00 pagi : Bertolak balik ke Jeti Kuala Besut Terengganu.
- 10.00 pagi : Tiba di jeti Kuala Besut, Shopping Pasar Payang, Membeli keropok lekor di SeberangTakir.
- 10.00 malam : Di jangka tiba di Kuala Lumpur (MINDEF).

Diantara Gambar-Gambar Aktiviti di Pulau Perhentian



Yang Ringan Sama Dijinjing Yang Berat Sama Dipikul



Aktiviti gotong-royong di pantai dan Surau Kampung Pulau Perhentian Kecil



Pembinaan masjid baru di Kampung Pulau Perhentian Kecil.



Salah satu kemahiran penduduk di Kg Pulau Perhentian Kecil membuat KKV Kerawang Bunga Cempaka bagi binaan masjid bar

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
 DEPT. AJA Y 36 / TIAUSATA, KERAJAAN TERENGGANU / PERUMAHAN I
 YONGKAY 2, WISMA DARUL IMAN, 20503 KUALA TERENGGANU

PROJEK :
**CADANGAN MEREK ABENTUK, MEMBINA, MENYIAPKAN
 DAN MENYELENGGARA 200 UNIT (5 TINGKAT)
 RUMAH PANGSA MAMPU MILIK DAN KERJA-KERJA
 BERKAITAN DENGANNYA DI PULAU PERHENTIAN,
 BESUT , TERENGGANU DARUL IMAN**

NO RUJUKAN KELULUSAN : **SUK. TR. 1121 / 3 / 2 / 10**

KONTRAKTOR **TUNJANG JITU**
 NO 19-2, JALAN WANGSA DELIMA 2A, SEKSYEN 5, WANGSA MAJU,
 53300 KUALA LUMPUR. TEL : 603-4142 8428 FAX : 603-4142 8428

ARKITSEK **ARRA ARCHITECT**
 NO 19-2, JALAN WANGSA DELIMA 2A, SEKSYEN 5, WANGSA MAJU,
 53300 KUALA LUMPUR. TEL : 603-4142 8428 Email: Arra_Archite_01@gmail.com

JURUKUR BAHAN **J.B.B. CONSULTANT SDN. BHD.**
 NO 43, 1ST FLOOR, JALAN USJ 10/1A, UEP SUBANG JAYA, 47620 SUBANG JAYA,
 SELANGOR DARUL EHSAN, TEL : 603-5635 3411 FAX : 603 56351438

C & S **ZARY ASSOCIATES**
 10 A, JALAN TUN MOHD RUAD 1, TAMAN TUN DR. ISMAIL,
 60000 K. LUMPUR. TEL : 603-7729 6742 FAX : 603-7729 1958

M & E **PERUNDING AZFAR**
 NO 7-1 & 7-2, JALAN 3/23A DANAU KOTA, 53300 SETAPAK, K. LUMPUR
 TEL : 603-4143 3001 FAX : 603-4143 6001

TARIKH MILIK TAPAK : 23 APRIL 2012 **TARIKH DIJANGKA SIAP : 22 OKT 2012**



Pembangunan Infrastruktur di Kampung Pulau Perhentian Kecil.



Majlis Penyerahan Sumbangan berupa sejadah, telekung, tikar, cat dan peralatan mengecat kepada Ketua Wanita UMNO Kampung Pulau Perhentian Kecil oleh Puan Shahidah Banu Binti Abdul Satar kepada Puan Masitah binti Abdul Rahman



Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan daripada Puspanita kepada Ketua Kampung Pulau Perhentian Kecil oleh Puan Shahidah Banu Binti Abdul Satar kepada Encik Zainuddin bin Mohd



Bergambar kenangan bersama Ketua Kampung dan Ketua Wanita selepas aktiviti gotong-royong.




JKK Pembangunan Alam Bina Lestari dan ahli Puspanita bergambar kenangan bersama mengesatkan siraturrahim. Bersedia untuk Snorkeling.



Ahli Puspanita bersiap sedia di atas bot aktiviti snorkeling.



Aktiviti snorkeling di pantai Pulau Perhentian.



Aktiviti Persatuan Wanita Pulau Perhentian dan minum petang bersama penduduk dan tetamu Kampung Pulau Perhentian.



Keindahan pantai dan kehijauan alam di Pulau Perhentian.